



IBU PEJABAT,  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,  
MALAYSIA,  
LEBUH WAWASAN, PRECINCT 7,  
62250 PUTRAJAYA.

Telefon : 603-88880036  
Faks : 603-88880962  
Laman Web : [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)  
E-mail : [korporat@bomba.gov.my](mailto:korporat@bomba.gov.my)

‘CEPAT DAN MESRA’

Ruj. Kami: JBPM/IP/KOR:100-2/1 (75 )

Tarikh : 8 Ogos 2012

## SIARAN MEDIA

### OPS RAYA SEMPENA SAMBUTAN AIDILFITRI 2012

**PUCHONG** 8 Ogos 2012 – Sempena sambutan Aidilfitri pada tahun ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah membuat persediaan rapi yang melibatkan seramai 9,100 daripada keseluruhan 13,000 pegawai bomba melalui Ops Raya yang akan bermula dari 10 hingga 26 Ogos 2012 dengan menyediakan perkhidmatan operasi yang cepat, pantas dan berkesan sekiranya berlaku sebarang insiden yang tidak diingini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung berkata, JBPM juga telah mengambil beberapa tindakan dengan melakukan pemeriksaan dan penghapusan bahaya kebakaran di premis-premis perniagaan bagi memastikan semua laluan keselamatan bebas daripada apa-apa halangan serta rintangan.

“Tumpuan diberikan kepada pemeriksaan sistem keselamatan, laluan tangga kecemasan dan keadaan pintu rintangan api manakala notis atau denda boleh dikeluarkan kepada mana-mana premis yang didapati melanggar peruntukan sedia ada,” katanya selepas melancarkan Ops Raya



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008  
CERT. NO : AR 5037

di sebuah pusat membeli belah di sini semalam.

Menurut Chor lagi, Unit Peronda Bomba juga akan membuat rondaan dan pemantauan keselamatan di lebuhraya dan jalan persekutuan sempena sambutan Aidilfitri di 151 lokasi statik (*Black Spot*).

Dalam pada itu, Chor menasihatkan kepada semua pemilik premis termasuk rumah dan pejabat supaya memastikan punca kuasa elektrik hendaklah ditutup dan membersihkan sampah-sampah yang tidak diperlukan sebelum meninggalkan premis masing-masing manakala kepada semua pengusaha kuih-muih mestilah cukup tidur.

\*\*\*\*\*

Dikeluarkan Oleh :

Sobberi b. Basiran  
Penolong Ketua Pengarah  
Bahagian Pengurusan Korporat  
Ibu pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia  
[sobberi\\_64@bomba.gov.my](mailto:sobberi_64@bomba.gov.my) atau [korporat@bomba.gov.my](mailto:korporat@bomba.gov.my)